

Isnin, 5 Ogos 2019 | 2:05pm



KETUA Cawangan KPDNKK Muar, Rizq Fazliana Abd Hamid (tengah) bersama pegawai KPDNKK menunjukkan barang rampasan telekung tiruan bernilai RM11,340 di Bilik Gerakan KPDNHEP Muar.

- Foto Adi Safri

Telekung jenama tiruan dirampas

Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrulkamal@bh.com.my

MUAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 127 pasang telekung jenama terkenal tiruan bernilai RM11,340 dalam Ops Barang Tiruan di sebuah tapak ekspos di Tangkak dekat sini, semalam.

Ketua KPDNHEP cawangan Muar, Rizq Fazliana Abd Hamid, berkata operasi dilakukan selepas menerima aduan pemilik cap dagang berkaitan penjualan produk jenama berkenaan yang disyaki palsu.

"Lima anggota KPDNHEP Cawangan Muar bersama dua wakil syarikat berkenaan membuat serbuan di tapak ekspos terbabit kira-kira jam 1.30 tengah hari semalam.

"Kita merampas 127 pasang telekung jenama berkenaan yang dianggarkan bernilai RM11,340," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di pejabat KPDNHEP cawangan Muar di sini, hari ini.

Rizq Fazliana berkata, peniaga berkenaan dipercayai menjual telekung tiruan itu pada harga RM90 sepasang berbanding harga pasaran produk asli iaitu RM146 sepasang.

"Ketika serbuan, seorang wanita berusia 40 tahun berada di premis berkenaan dan kita sudah merakamkan keterangannya bagi membantu siasatan."

"Kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP cawangan Muar akan terus menjalankan operasi terhadap mana-mana premis yang

didapati menjual barang tiruan termasuk jenama terbabit pada masa akan datang.

"Semua peniaga dinasihatkan mematuhi undang-undang dan tidak terbabit dalam aktiviti penjualan atau pengedaran barang tiruan.

"Sekiranya ada maklumat atau aduan, pengguna boleh menghubungi kami di talian 06-9521094 atau aplikasi ez-adu.

"Pengguna juga boleh mengemukakan aduan menerusi e-mel eaduan@kpdnhep.gov.my atau hadir sendiri ke KPDNHEP Cawangan Muar di Bangunan Persatuan Hokkien di Jalan Salleh di sini," katanya.

